LATIHAN PENGUKUHAN

PRAKTIS 6 Syair Nasihat (Penghujung Thamarat Al-Muhimmah)

NOTA KOMSAS halaman

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sivik | Hemah Tinggi

1 Tamatlah kitab dikarang orang,
akalnya pendek ilmunya kurang,
daripada sangat hajatku **gerang**,
diperbuat juga sebarang-barang.

2 Melepaskan hati yang terbuku,
pengajaran kepada sekalian anakku,
mudah-mudahan betul tingkah dan laku,
perangai yang baik biar **terpaku**.

3 Dengarkan tuan ayahanda berperi,
kepada anakanda muda bestari,
nasihat kebajikan ayahanda beri,
amalkan jangan malas dan ngeri.

4 Ayuhai anakanda muda remaja,
jika anakanda menjadi raja,
hati yang betul hendak disahaja,
serta rajin pada bekerja.

5 Kerja kebajikan janganlah malas,
zahir dan batin janganlah culas,
jernihkan hati hendaklah ikhlas,
seperti air di dalam gelas.

6 Menuntut ilmu janganlah segan,
ilmu yang benar jangan yang bukan,
iaitu ilmu yang kebajikan,
di kitab ini sudah disebutkan.

7 Hendaklah anakanda mengaji selalu,
dari yang lain lebihkan dulu,
had syarak jangan dilalu,
tidaklah anakanda beroleh malu.

8 Segala perbuatan dengan berilmu,
maka kebajikan boleh bertemu,
jika sebarang-barang diramu,
akhirnya anakanda jatuh **tersemu**.

9 Ilmu itu besar faedahnya,
membezakan hak dengan **batilnya**,
mengetahui rakyat benar salahnya,
supaya dihukumkan dengan adilnya.

10 Jika ilmu tidak diendah,
sebab anakanda capak permudah,
rakyat datang membawa **gundah**,
anakanda tercengang tunduk **tengadah**.

11 Hendak menghukumkan tiada tahu,
hendak diam hati tak mahu,
berpeluk tubuh tangan ke bahu,
mengeluh mengucap mengata Allahu.

12 Terkadang duduk mendiamkan diri,
sepatah tidak mengeluarkan **peri**,
penat duduk bangkit berdiri,
lalu masuk ke dalam **puri**.

13 Orang berdakwa duduk menanti,
serta dengan bersakit hati,
hairan takjub tidak mengerti,
sebab bicaranya belum pasti.

14 Terkadang dihukumkan dengan ***biladah***,
bukannya syarak bukannya ***'adah***,
ambil lekas jalan yang mudah,
supaya jangan berhati gundah.

15 Jika demikian apa jadinya,
hukum tak betul dengan jalannya,
di hadapan majlis diterimanya,
di belakang kelak diumpatnya.

16 Jika yang benar kita hukumkan,
di belakang jangan kita hiraukan,
umpat dan keji kita biarkan,
kepada Allah kita syaksikan.

17 Jika anakanda jadi menteri,
orang berilmu anakanda hampiri,
lawan mesyuarat lawan berperi,
supaya pekerjaan jadi **ugahari**.

18 Hendaklah periksa adabnya wazir,
di dalam kitab sudah terukir,
hendaklah jauhkan pekerjaan mungkir,
supaya jangan jadi tergelincir.

Raja Ali Haji
Antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, 2015.

Kosa Kata

gerang – rupanya
terpaku – terlekat
tersemu – terperdaya
batilnya – ketidakbenarannya
gundah – dukacita
tengadah – memandang ke atas
peri – hal
puri – ruang
biladah – semberono
'adah – adat
ugahari – pertengahan, sederhana

LIVEWORKSHEETS

1. Berdasarkan rangkap kedua, penyair berharap agar pengajaran yang diberikan dapat menjadikan anak-anaknya?
   A. Membetulkan perbuatan terhadap dirinya
   B. Mempunyai kelakuan dan perangai yang baik.
   C. Mendengar segala nasihat yang diberikan.
   D. Terus bersikap baik kepada penyair.

2. Berdasarkan rangkap kelima, penyair menekankan pentingnya membuat kerja kebajikan dengan
   A. rajin dan ikhlas
   B. sabar dan culas
   C. malas dan culas
   D. jujur dan rajin

3. Berdasarkan rangkap ke-17, apakah yang perlu dilakukan oleh pemimpin dalam pentadbirannya?
   A. Belajar dan menuntut ilmu
   B. Berbincang dengan orang berilmu
   C. Mempertikikan pendapat ilmuan
   D. Menyisihkan orang berilmu dalam masyarakat

Hati yang betul hendaklah disahaja Serta rajin pada kerja

4. Nilai murni yang terdapat dalam baris syair di atas ialah
   A. kesyukuran
   B. baik hati
   C. berdikari
   D. kerajinan

1. Berdasarkan keseluruhan syair, penyair amat menitikberatkan ilmu kepada pemimpin. Pada pendapat anda, aakah akibatnya jika negara ditadbir oleh orang yang tidak berilmu?

   A. Negara tidak dapat dibangunkan
   B. Peluang pekerjaan akan terjejas
   C. Rakyat menjadi malas belajar
   D. Pemimpin bertindak kejam

LIVEWORKSHEETS